

PANDANGAN IBU BAPA TERHADAP TEORI VYGOTSKY DALAM PEMEROLEHAN BAHASA MELAYU MURID BERKEPERLUAN KHAS

*KAVENIA KUNASEGRAN**

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia
kavenia@upm.edu.my*

NURDENNA KHIRIL ANUWAR

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia
224201@student.upm.edu.my*

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneliti pandangan ibu bapa terhadap keberkesanan Teori Interaksi Sosial Vygotsky dalam menyokong pemerolehan bahasa Melayu murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), khususnya murid yang mengalami masalah pembelajaran dan kelewatan pertuturan. Murid PPKI sering berdepan kekangan komunikasi seperti kesukaran memahami arahan, membina ayat dan berinteraksi secara lisan, sekali gus menjejaskan penguasaan bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah gabungan yang melibatkan soal selidik terhadap 30 orang ibu bapa serta temu bual separa berstruktur dengan lima orang responden terpilih. Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif meliputi kekerapan, peratusan dan min, manakala data kualitatif dianalisis melalui analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan tahap persetujuan yang sangat tinggi dalam kalangan ibu bapa terhadap peranan interaksi sosial dan komunikasi dua hala dalam meningkatkan kosa kata, kefahaman makna dan keyakinan bertutur anak PPKI dengan nilai min keseluruhan yang tinggi bagi domain interaksi sosial dan keberkesanan pendekatan. Walau bagaimanapun, kajian turut mengenal pasti cabaran seperti kekangan masa, beban kerja, ketidakstabilan emosi anak, pengaruh media digital serta kekurangan panduan daripada pihak sekolah. Bagi mengatasi cabaran tersebut, ibu bapa menggunakan pelbagai strategi termasuk permainan bahasa, penggunaan teknologi, pemilihan waktu yang sesuai dan pengukuhan sendiri. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa interaksi sosial yang konsisten dan bermakna memainkan peranan signifikan dalam menyokong pemerolehan bahasa Melayu murid PPKI serta menekankan keperluan kerjasama sistematik antara ibu bapa dan pihak sekolah bagi memperkukuh perkembangan bahasa secara holistik dan berterusan.

Kata kunci: Interaksi Sosial; Pemerolehan Bahasa Melayu; Murid PPKI; Ibu Bapa.

PARENT'S PERSPECTIVES ON VYGOTSKY'S THEORY IN MALAY LANGUAGE LEARNING AMONG SPECIAL NEEDS STUDENTS

ABSTRACT

This study aims to examine parents' perceptions of the effectiveness of Vygotsky's Social Interaction Theory in supporting Malay language acquisition among students in the Integrated Special Education Programme (PPKI), particularly those with learning disabilities and *speech delay*. PPKI students often face communication challenges such as difficulties in understanding instructions, constructing sentences, and engaging in verbal interaction, which consequently affect their mastery of the Malay language. This study employed a mixed-methods design involving a questionnaire distributed to 30 parents and semi-structured interviews with five selected respondents. Quantitative data were analysed using descriptive statistics, including frequency, percentage, and mean scores, while qualitative data were analysed through thematic analysis. The findings indicate a very high level of agreement among parents regarding the role of social interaction and two-way communication in enhancing vocabulary development, comprehension of meaning, and speaking confidence among PPKI students, with high overall mean scores recorded for both domains of social interaction and effectiveness of the approach. However, the study also identified several challenges, including time constraints, workload, children's emotional instability, the influence of digital media, and limited guidance from schools. To address these challenges, parents adopted various strategies such as language-based games, the use of technology, selecting appropriate interaction times, and strengthening self-management skills. Overall, the study demonstrates that consistent and meaningful social interaction plays a significant role in supporting Malay language acquisition among PPKI students and highlights the need for systematic collaboration between parents and schools to ensure holistic and continuous language development.

Keywords: Social Interaction; Malay Language Acquisition; PPKI Students; Parents.

PENGENALAN

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) diperkenalkan oleh kerajaan bagi menyediakan peluang pendidikan yang inklusif kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), khususnya murid yang mengalami masalah pembelajaran seperti autisme. Murid dalam kategori ini sering berhadapan dengan pelbagai kekangan dalam aspek komunikasi, termasuk kesukaran membaca, menulis, memahami arahan dan bertutur dalam bahasa Melayu. Kekangan komunikasi ini memberi kesan langsung terhadap pemerolehan bahasa Melayu dan seterusnya menyumbang kepada kelewatan pertuturan (*speech delay*) dalam kalangan murid PPKI. Interaksi sosial merupakan pendekatan signifikan terutamanya dalam memangkin pemerolehan bahasa kanak-kanak. Berdasarkan Teori Interaksi Sosial Vygotsky (1978), perkembangan bahasa kanak-kanak tercetus melalui pengalaman dan interaksi bersama individu sekeliling. Murid PPKI berinteraksi sosial melalui perbualan dan menjalankan aktiviti bersama bagi menyokong pemerolehan kosa kata dan penggunaan bahasa Melayu mereka secara bermakna. Oleh itu, peranan individu terdekat seperti ibu bapa amat penting dalam menyediakan persekitaran interaksi yang konsisten bagi menyokong perkembangan bahasa mereka.

Di samping itu, isu kelewatan pertuturan ‘*speech delay*’ merupakan antara masalah utama dihadapi oleh murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Statistik National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2022 menunjukkan peningkatan ketara bilangan kanak-kanak yang mengalami *speech delay*, iaitu seramai 56,452 orang, sekali gus menandakan isu ini semakin membimbangkan. Keadaan ini menjadi lebih kritikal apabila kajian Wan Natrah (2021) mendapati bahawa majoriti ibu bapa tidak menyedari simptom autisme dan menganggap kelewatan pertuturan sebagai perkara normal, menyebabkan intervensi awal tidak dilaksanakan. Kekurangan pengetahuan ibu bapa terhadap kaedah pemerolehan bahasa yang sesuai memberi implikasi langsung terhadap perkembangan bahasa murid PPKI.

Walaupun teori interaksi sosial dikenal pasti sebagai pendekatan yang berpotensi menyokong pemerolehan bahasa melalui pengalaman dan interaksi harian, keberkesanan teori ini dalam konteks murid PPKI masih kurang dibuktikan secara empirikal. Berdasarkan kajian lepas, terdapat jurang dan lompong yang perlu diberi perhatian. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada perbandingan teori pemerolehan bahasa atau keberkesanan pendekatan secara umum tanpa memberi fokus khusus kepada konteks murid PPKI. Selain itu, kajian sedia ada lebih cenderung meneliti peranan guru dan intervensi dalam bilik darjah, manakala perspektif ibu bapa sebagai agen utama interaksi sosial di rumah masih kurang diterokai secara mendalam. Kekurangan kajian empirikal yang menggabungkan aspek pandangan ibu bapa, keberkesanan pendekatan, dan cabaran pelaksanaan menunjukkan wujudnya keperluan untuk kajian yang lebih holistik dalam bidang ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pandangan ibu bapa terhadap keberkesanan interaksi sosial dalam menyokong pemerolehan bahasa Melayu murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Selain itu, kajian ini turut bertujuan menghuraikan cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa dalam membantu murid PPKI menguasai bahasa Melayu serta meneliti usaha dan pendekatan yang digunakan bagi mengatasi cabaran tersebut.

SOROTAN LITERATUR

Dalam usaha mencari penyelesaian masalah, beberapa lompong daripada kajian lepas diperlihatkan bagi membantu pengkaji. Antaranya ialah kajian *A Comparative Study of Vygotsky's Perspective on Child Language Development with Nativism and Behaviorism* oleh Mahdi Dastpak, Behjat dan Taghinezhad (2017) membandingkan teori pemerolehan bahasa Vygotsky dengan teori Behaviorisme dan Nativisme. Dapatan kajian menunjukkan bahawa teori Vygotsky lebih berkesan berbanding teori lain dengan membuktikan penyertaan aktif kanak-kanak dalam persekitaran sosial berjaya memangkin pemerolehan bahasa dengan lebih efisien. Pemilihan kajian ini adalah sebagai rujukan utama iaitu asas teori yang kukuh dalam menilai keberkesanan interaksi sosial sebagai pendekatan pemerolehan bahasa khususnya bagi murid PPKI yang memerlukan sokongan berterusan.

Selain itu, dalam *Aktiviti Sokongan Bagi Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-Kanak* oleh Zainiah Mohamed Isa (2021) menerangkan aktiviti-aktiviti interaksi sosial seperti perbualan, bermain, menyanyi dan membaca berjaya menggalakkan pemerolehan bahasa kanak-kanak. Buktinya, interaksi sosial yang konsisten berhasil dalam meningkatkan kosa kata dan menggalakkan komunikasi dua hala. Oleh itu, kajian ini dipilih kerana menyokong objektif kajian untuk menilai keberkesanan interaksi sosial melalui peranan ibu bapa sebagai model bahasa dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti interaksi sosial.


Di samping itu, berkenaan cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa dalam membimbing murid PPKI menguasai bahasa Melayu, kajian *Effect of Disruptive Behavior on Speech delay Autism in Children in Kindergarten in Pahang State* oleh Nur Atiqah dan Mohd Nizam (2023) diperhalusi. Kajian ini meneliti cabaran pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak autisme yang mengalami kelewatan pertuturan (*speech delay*). Masalah tingkah laku dan pendedahan berlebihan kepada gajet merupakan cabaran utama yang menghalang interaksi dua hala dan menjejaskan pemerolehan bahasa. Kajian ini memberikan gambaran jelas tentang cabaran komunikasi yang berpotensi dihadapi oleh guru-guru. Oleh itu, pemilihan kajian lepas ini bagi mengenal pasti sama ada ibu bapa murid juga mengalami masalah yang samadengan guru-guru.

Seterusnya, dalam kajian *Strategies and Role of Parents on Language Acquisition of Children with Special Needs* oleh Estri Tri Wardani et al. (2024) memfokuskan peranan dan cabaran ibu bapa dalam membantu pemerolehan bahasa kanak-kanak berkeperluan khas. Ibu bapa berhadapan dengan kesukaran terutamanya dalam menggalakkan anak berinteraksi dalam persekitaran sosial yang baharu secara tidak langsung mendorong mereka menggunakan strategi seperti menggalakkan interaksi dengan rakan sebaya. Pemilihan kajian lepas ini adalah sebagai rujukan adlah untuk memenuhi lompong berkenaan cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa seiring dengan matlamat objektif kedua.

METODOLOGI

Pemilihan kaedah gabungan daripada pendekatan kuantitatif dan kualitatif adalah berasaskan keperluan untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh berkenaan keberkesanan teori interaksi sosial Vygotsky sebagai pendekatan pemerolehan bahasa Melayu dalam kalangan murid PPKI secara kuantitatif dan penelitian mendalam melalui pendekatan kualitatif berkenaan cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa dalam melaksanakan pendekatan tersebut.

Oleh itu, Teori Interaksi Sosial Vygotsky (1978) digunakan sebagai teori utama kajian. Vygotsky menegaskan pengalaman sosial dan budaya sebagai faktor dominan dalam membantu pemerolehan dan perkembangan bahasa terutamanya dalam kalangan kanak-kanak. Kerangka teori yang digunakan adalah perkaitan dengan tajuk yang dijalankan pengkaji seperti rajah di bawah.



RAJAH 1. Perkaitan Teori dan Objektif

Kajian ini ini terdiri daripada empat komponen utama. Komponen pertama ialah teori interaksi sosial Vygotsky 1978 sebagai asas teori kepada keseluruhan kajian. Teori ini berfungsi sebagai landasan bagi memahami pendekatan yang berkesan diaplikasikan dalam memangkin pemerolehan bahasa murid PPKI. Komponen kedua ialah peranan dan pandangan ibu bapa yang menjadi faktor utama dalam pelaksanaan pendekatan ini. Pandangan ibu bapa akan diukur melalui soalan borang soal selidik sebagai gambaran umum mengenai peranan dan pelaksanaan pendekatan interaksi sosial.

Seterusnya, komponen ketiga ialah cabaran ibu bapa yang berperanan sebagai faktor perantara. Cabaran ini boleh menghalang atau menyokong pelaksanaan interaksi sosial, termasuklah kekangan masa, tahap kesabaran, pengaruh teknologi, tingkah laku anak, dan kesesuaian persekitaran. Akhir sekali, komponen keempat ialah pemerolehan bahasa Melayu murid PPKI yang menjadi hasil utama kajian, iaitu sama ada murid-murid PPKI dapat menguasai bahasa Melayu melalui sokongan interaksi sosial atau tidak. Oleh itu, rajah konsep ini menggambarkan bahawa kejayaan pemerolehan bahasa Melayu murid PPKI sangat bergantung pada peranan aktif ibu bapa dalam mengaplikasikan interaksi sosial di rumah, dengan mengambil kira cabaran yang mereka hadapi.

Bagi populasi dan persampelan, kajian ini terdiri daripada ibu bapa yang merupakan murid PPKI mengalami masalah pembelajaran. Pemilihan populasi ini adalah kerana ibu bapa merupakan individu terdekat yang banyak melibatkan diri dalam pemerolehan dan perkembangan bahasa anak-anak sejak kecil di rumah. Oleh itu, pandangan dan pengalaman ibu bapa dianggap sebagai sumber data yang paling relevan untuk menilai keberkesanan teori interaksi sosial sebagai pendekatan pemerolehan bahasa Melayu dalam kalangan murid PPKI.

Seramai 30 orang ibu bapa akan dipilih untuk menjawab soal selidik yang dibina khusus bagi mendapatkan maklumat tentang pandangan mereka terhadap keberkesanan teori interaksi sosial bagi komponen kuantitatif. Seterusnya, lima daripada 30 orang ibu bapa yang menjawab ditemu bual secara mendalam untuk mendapatkan data tentang cabaran yang dihadapi dalam membimbing anak-anak mereka memperoleh bahasa Melayu bagi komponen kualitatif. Jenis persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan iaitu hanya ibu bapa yang mempunyai anak dalam PPKI layak dijadikan sampel. Pemilihan ini dibuat secara khusus bagi memastikan responden benar-benar relevan dengan objektif kajian.

Kajian ini secara keseluruhannya dilaksanakan secara atas talian melalui platform digital. Tindakan pemilihan lokasi ini sesuai dan memudahkan pengumpulan data daripada ibu bapa murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Pengkaji menggunakan Borang Soal Selidik Google Form bagi mendapatkan data kuantitatif berkaitan pandangan ibu bapa dan menjalankan sesi temu bual yang terdiri daripada soalan separa berstruktur melalui aplikasi seperti WhatsApp Audio Chat atau melalui ruangan perbualan di *WhatsApp* untuk mendapatkan data kualitatif tentang cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa. Pemilihan kaedah dalam talian dibuat bagi memberikan fleksibiliti kepada ibu bapa yang mempunyai kekangan masa dan tanggungjawab penjagaan anak-anak berkeperluan khas. Seterusnya, bagi penganalisan data dalam kajian ini dijalankan mengikut pendekatan reka bentuk gabungan yang melibatkan dua jenis data iaitu data kuantitatif daripada borang soal selidik dan data kualitatif daripada temu bual separa berstruktur.

Maklumat yang dikumpul melalui borang soal selidik atas talian Google Form dipindahkan untuk dianalisis. Analisis yang digunakan ialah statistik deskriptif, yang melibatkan pengiraan kekerapan (*frequency*), peratusan (*percentage*), dan min (*mean*) untuk setiap item dalam borang soal selidik. Analisis ini adalah untuk mengenal pasti pola, kecenderungan, dan tahap pandangan ibu bapa terhadap keberkesanan pelaksanaan teori interaksi sosial sebagai pendekatan pemerolehan bahasa Melayu. Selain itu, data kualitatif daripada temu bual separa berstruktur dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik.

Proses analisis ini melibatkan enam langkah utama, iaitu pembacaan dan kefahaman data, penjanaan kod awal, pengenalpastian tema, semakan semula tema, penamaan tema, dan penulisan laporan. Data temu bual yang dirakam akan ditranskrip secara verbatim sebelum dikod dan dikelaskan mengikut tema utama yang berkaitan dengan cabaran ibu bapa dalam membantu anak-anak PPKI memperoleh bahasa Melayu.

DAPATAN KAJIAN

Pandangan Ibu Bapa Berkenaan Keberkesanan Interaksi Sosial dalam Pemerolehan Bahasa Melayu bagi Murid PPKI

Objektif utama kajian berkait dengan pendekatan Vygotsky mengenai pemerolehan bahasa melalui interaksi sosial. Borang soal selidik terdiri daripada 10 item dibahagikan kepada dua domain utama iaitu, (i) Interaksi Sosial dan Komunikasi Dua Hala, dan (ii) Keberkesanan Pendekatan Interaksi Sosial. Penilaian data menggunakan skala Likert dan dianalisis secara kuantitatif berdasarkan nilai min dan peratusan. Berikut merupakan jadual pembahagian item mengikut domain:

JADUAL 1. Pembahagian Item Mengikut Domain


DOMAIN	ITEM
(i) Interaksi Sosial dan Komunikasi Dua Hala	1.Saya kerap berbual atau berinteraksi dalam bahasa Melayu dengan anak saya di rumah.
	2.Saya menggalakkan anak menggunakan bahasa Melayu semasa berkomunikasi dengan ahli keluarga dan rakan
	3.Saya melihat interaksi dua hala membantu anak memahami makna perkataan dalam bahasa Melayu dengan lebih baik.
	4.Saya menggunakan aktiviti permainan sosial seperti teka-teki atau lakonan untuk menggalakkan pertuturan dalam bahasa Melayu
	5.Saya memberi maklum balas positif apabila anak cuba berkomunikasi dalam bahasa Melayu.
	6.Saya menegur anak saya untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa lain ketika berinteraksi dengan saya atau orang lain.
(ii) Keberkesanan Pendekatan Interaksi Sosial	7.Saya percaya interaksi sosial dapat mempercepat proses pemerolehan bahasa Melayu anak saya.
	8.Saya melihat peningkatan dalam kosa kata dan pertuturan anak selepas berinteraksi secara konsisten.
	9.Saya berpendapat teori interaksi sosial lebih berkesan digunakan berbanding teori semula jadi (kanak-kanak mempelajari bahasa secara semula jadi sejak lahir) dan teori behaviorisme (bahasa diperoleh melalui peniruan dan pengulangan di persekitaran).
	10.Saya yakin teori interaksi sosial sesuai diaplikasikan kepada murid PPKI berbanding teori lain dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Domain (i): interaksi sosial dan komunikasi dua hala

JADUAL 2. Pengiraan Min Domain (i)

Skala likert	1 Sangat Tidak Setuju		2 Tidak Setuju		3 Tidak Pasti		4 Setuju		5 Sangat Setuju		Min
Item	Σ	%	Σ	%	Σ	%	Σ	%	Σ	%	$\Sigma X/N$
1	-	-	3	10	2	6.7	6	20	19	63.3	4.37
2	-	-	1	3.3	2	6.7	11	36.7	16	53.3	4.40
3	-	-	-	-	1	3.3	12	40	17	56.7	4.53
4	-	-	1	3.3	5	16.7	11	36.7	13	43.3	4.20
5	-	-	-	-	4	13.3	9	30	17	56.7	4.43
6	-	-	2	6.7	4	13.3	8	26.7	16	53.3	4.27
Min Domain 1: Sangat Tinggi											4.37

Berdasarkan jadual 2, purata min keseluruhan bagi domain (i) Interaksi Sosial dan Komunikasi Dua Hala ialah 4.37. Berdasarkan tahap min purata nilai point skala likert, bacaan ini menunjukkan bacaan pada tahap yang Sangat Tinggi. Hal ini mencerminkan keadaan ibu bapa yang masih menekankan kepentingan interaksi sosial dalam pemerolehan Bahasa Melayu murid PPKI, terutamanya melalui komunikasi dua hala antara ibu bapa dan murid. Nilai min tinggi ini dapat membuktikan kepercayaan ibu bapa terhadap aktiviti seperti berbual, bermain, dan komunikasi dua hala antara ibu bapa dan anak-anak secara langsung mendorong pemerolehan bahasa Melayu dan meningkatkan motivasi mereka untuk mempelajari bahasa Melayu dengan lebih lagi. Perincian min semua item melepasi skor yang sangat tinggi. Walau bagaimanapun, item ketiga dengan soalan ‘Saya melihat interaksi dua hala membantu anak memahami makna perkataan dalam bahasa Melayu dengan lebih baik’ menunjukkan bacaan nilai min tertinggi.




RAJAH 2. Kutipan Data Item 3

Berdasarkan rajah 2, data menandakan ibu bapa menghargai aspek tertentu dalam interaksi sosial dengan memilih Setuju sejumlah 12 orang dan Sangat Setuju seramai 17 orang. Mengikut bacaan nilai min bagi item ini iaitu 4.53, ibu bapa sangat bersetuju bahawa interaksi dua hala penting kerana mereka menyedari komunikasi yang dengan anak-anak mampu merangsang pemerolehan bahasa Melayu dengan lebih

efisien. Buktinya, interaksi dua hala yang berkesan ini melibatkan ibu bapa untuk memberi arahan, melibatkan anak melalui perbualan, bertanya mengenai soalan terbuka, pembetulan kesilapan semasa bertutur secara lembut, dan galakan untuk anak menyuarakan pendapat.

Dapatan ini diperkukuh lagi dengan dapatan kajian lepas oleh Zainiah Mohamed Isa (2021) dalam kajian yang bertajuk *Aktiviti Sokongan Bagi Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-Kanak* yang memfokuskan prinsip asas bahawa kanak-kanak memerlukan model bahasa yang konsisten untuk memperoleh dan menggunakan bahasa dalam komunikasi seharian. Dalam konteks kajian ini, ibu bapa berfungsi sebagai model bahasa utama yang membimbing anak melalui perbualan harian, soalan responsif dan maklum balas berterusan. Interaksi dua hala antara ibu bapa dan anak turut membantu pemerolehan kosa kata bahasa Melayu. Oleh itu, jelaslah bahawa dengan dapatan kajian lepas tersebut menyokong dapatan Item 6, iaitu komunikasi interaktif bukan sahaja meningkatkan kefahaman makna perkataan, malah membentuk kecekapan berbahasa kanak-kanak secara lebih berkesan dan efisien.

Di samping itu, item keempat berkenaan ‘Saya menggunakan aktiviti permainan sosial seperti teka-teki atau lakonan untuk menggalakkan pertuturan dalam bahasa Melayu’ mencatatkan nilai min terendah berbanding item-item lain iaitu 4.20.



RAJAH 3. Kutipan Data Item 4

Berdasarkan rajah 3, item ini mendapat skor terendah disebabkan ibu bapa yang tidak bersetuju dan tidak pasti dengan soalan. Hal ini sedemikian kerana tidak semua ibu bapa mempunyai kesedaran atau keyakinan untuk menggunakan aktiviti permainan sosial seperti teka-teki dan lakonan sebagai strategi khusus untuk menggalakkan pemerolehan bahasa Melayu dalam kalangan anak-anak mereka. Sebahagian ibu bapa mungkin tidak terdedah kepada konsep pembelajaran berasaskan permainan atau mungkin mereka berpendapat bahawa aktiviti ini lebih sesuai dijalankan di sekolah berbanding di rumah.

Selain itu, terdapat kemungkinan bahawa ibu bapa menghadapi masalah kekangan masa, kesibukan bekerja. Cabaran ini menyebabkan sebahagian ibu bapa tidak dapat melaksanakan aktiviti tersebut secara konsisten dengan anak-anak mereka. Justeru, dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun ibu bapa menyokong pemerolehan dan perkembangan bahasa anak, mereka cenderung memilih kaedah yang lebih praktikal dan fleksibel berbanding aktiviti permainan sosial yang lebih berstruktur.

Nilai kesuluruh min bagi domain ini menunjukkan bacaan Sangat Tinggi dan dapatan ini selaras dengan Teori Vygotsky, yang menekankan bahawa perkembangan kognitif dan bahasa murid berlaku melalui interaksi sosial yang lebih berkesan berbanding kaedah lain. Secara keseluruhan kutipan data bagi domain ini, ibu bapa digalakkan untuk aktif menyokong interaksi sosial anak di rumah. Contohnya melalui sesi membaca bersama, berbual tentang pelajaran, atau membantu tugas yang memerlukan perbincangan.

Penglibatan ibu bapa secara interaksi sosial dan komunikasi dua hala dapat membantu pemerolehan bahasa Melayu murid PPKI sekali gus dapat mengelakkan murid-murid ini mengalami kelewatan berbahasa. Penggunaan permainan sosial seperti teka-teki juga dapat membantu perkembangan bahasa mereka. Dapatan domain ini selari dengan kajian lepas oleh Zainiah Mohamed Isa (2021) yang membuktikan bahawa aktiviti interaksi seperti perbualan, bermain, menyanyi dan membaca dapat merangsang perkembangan bahasa secara signifikan. Oleh itu, jelas bahawa kehadiran interaksi ibu bapa penting, konsistensi dan kualiti interaksi memainkan peranan kritikal dalam perkembangan bahasa anak.

Domain (ii): keberkesanan pendekatan interaksi sosial


JADUAL 3. Pengiraan Min Domain (ii)

Skala likert	1 Sangat Tidak Setuju		2 Tidak Setuju		3 Tidak Pasti		4 Setuju		5 Sangat Setuju		Min
	Σ	%	Σ	%	Σ	%	Σ	%	Σ	%	
7	-	-	-	-	3	10	6	20	21	70	4.60
8	-	-	-	-	3	10	9	30	18	60	4.50
9	-	-	-	-	4	13.3	10	33.3	16	53.3	4.40
10	-	-	-	-	4	13.3	10	33.3	16	53.3	4.40
Min Domain 2: Sangat Tinggi											4.48

Berdasarkan jadual, purata nilai min keseluruhan bagi domain (ii) Keberkesanan Pendekatan Interaksi Sosial ialah 4.48, menunjukkan tahap Sangat Tinggi. Maklum balas ini menunjukkan ibu bapa berpendapat bahawa pendekatan yang digunakan dalam interaksi sosial adalah sangat berkesan untuk menyokong pemerolehan Bahasa Melayu murid PPKI. Catatan nilai min yang tinggi ini adalah kerana ibu bapa percaya bahawa interaksi sosial memainkan peranan penting dalam menyokong pemerolehan bahasa Melayu murid PPKI sejak peringkat awal perkembangan. Komunikasi harian yang aktif melalui perbualan dan pertanyaan soalan telah menyedarkan ibu bapa tentang pendekatan yang boleh digunakan bagi membimbing anak-anak memperoleh bahasa Melayu.

Selain itu, ibu bapa turut melihat pendekatan interaksi sosial sebagai kaedah yang praktikal dan mudah dilaksanakan tanpa memerlukan kemudahan dan alatan yang khas. Keadaan ini mengukuhkan kepercayaan mereka terhadap teori interaksi sosial yang mampu membantu merangsang pemerolehan bahasa Melayu secara berkesan dari lahir, sejajar dengan pandangan berkenaan perkembangan bahasa melalui hubungan sosial dan komunikasi bermakna.

Perincian min mengikut item menunjukkan item ketujuh iaitu soalan berkaitan ‘Saya percaya interaksi sosial dapat mempercepat proses pemerolehan bahasa Melayu anak saya’ dengan bacaan purata nilai min sebanyak 4.60




RAJAH 4. Kutipan Data Item 7

Berdasarkan rajah di atas, item ini mencatat nilai min tertinggi iaitu 4.60 dengan purata maklum balas daripada ibu bapa memilih setuju dan sangat setuju masing-masing 6 orang dan 21 orang. Pendedahan terhadap kosa kata, sebutan, dan struktur ayat akan berlaku apabila ibu bapa berinteraksi dengan anak-anak. Pengalaman ini membantu anak mereka yang terdiri daripada murid PPKI untuk memperoleh dan memproses bahasa dengan lebih cepat berbanding hanya mendengar secara pasif. Perkara ini terbukti apabila ibu bapa mula menyedari penglibatan anak dalam komunikasi dua hala membuatkan mereka lebih berani bercakap dan bertanya dalam bahasa Melayu.


Walaupun bagaimanapun, terdapat tiga ibu bapa yang tidak pasti dengan keberkesanan teori ini kemungkinan mereka mempunyai masalah kekangan masa atau kesibukan bekerja. Mereka mungkin menghadapi cabaran lain untuk meluangkan masa yang mencukupi bagi menggalakkan interaksi sosial secara konsisten dengan anak mereka. Dapatan bagi item ini dapat dikaitkan dengan kajian lepas oleh Estri Tri Wardani et al. (2024) yang menerangkan kepentingan peranan ibu bapa di rumah dalam membantu proses pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak istimewa.

Walaupun ibu bapa berdepan dengan pelbagai masalah, ibu bapa masih lagi perlu memainkan peranan dalam memastikan anak-anak mereka memperoleh bahasa pada peringkat umur yang sepatutnya. Oleh itu, usaha ibu bapa menggalakkan anak berinteraksi dengan rakan sebaya merupakan satu langkah proaktif dalam menyokong pemerolehan bahasa Melayu dan mencegah berlakunya kelewatan dalam pertuturan atau '*speech delay*'. Melalui interaksi sosial yang kerap, kanak-kanak akan terdedah dengan pelbagai bentuk penggunaan bahasa dan secara tidak langsung merangsang perkembangan kemahiran komunikasi lisan.

Di samping itu, item ke-9 dan 10 masing-masing mencatatkan skor terendah iaitu sebanyak 4.40. Item 9 merupakan soalan berkaitan 'Saya berpendapat teori interaksi sosial lebih berkesan digunakan berbanding teori semula jadi', manakala item 10 merupakan soalan berkaitan 'Saya yakin teori interaksi sosial sesuai diaplikasikan kepada murid PPKI berbanding teori lain dalam pembelajaran bahasa Melayu'. Kedua-dua item ini mempunyai nilai min yang paling rendah walaupun nilai skornya ialah Sangat Tinggi.



RAJAH 5. Kutipan Data Item 9



RAJAH 6. Kutipan Data Item 10

Berdasarkan rajah 5 dan 6, kedua-dua item merekodkan kutipan data yang sama dan kedua-duanya memiliki 4 orang ibu bapa yang tidak pasti tentang soalan berkenaan keberkesanan teori interaksi sosial. Hal ini mungkin kerana mereka lebih cenderung memilih pendekatan lain yang mereka rasakan lebih sesuai berdasarkan pengalaman peribadi atau kefahaman mereka tentang pembelajaran bahasa. Seseorang ibu bapa mungkin berpendapat bahawa kaedah peniruan, pengulangan, atau pembelajaran secara semula jadi sejak lahir lebih mudah diaplikasikan di rumah atau lebih selaras dengan gaya pembelajaran anak mereka. Perkara ini telah menyebabkan mereka ragu-ragu untuk menyatakan persetujuan penuh terhadap keberkesanan pendekatan ini.

Namun begitu, pendekatan Vygotsky lebih berkesan berbanding pendekatan lain sama seperti yang dibincangkan dalam kajian lepas oleh Mahdi Dastpak, Fatemeh Behjat, dan Ali Taghinezhad (2017) yang menerangkan tentang keberkesanan teori interaksi sosial Vygotsky berbanding teori Behaviorisme dan teori Nativisme terhadap pemerolehan dan perkembangan bahasa kanak-kanak.

Berdasarkan perbandingan ketiga-tiga teori dalam kajian lepas, teori interaksi sosial merupakan yang paling berkesan untuk pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak. Teori behaviorisme menekankan pengulangan dan latihan, yang membantu kanak-kanak mengingati bahasa, tetapi memberi ruang komunikasi yang terhad dan kurang fleksibel. Teori nativisme pula menekankan pemerolehan bahasa secara semula jadi, tetapi hasil praktikal dalam komunikasi harian kurang jelas kerana proses ini berlaku dalam otak tanpa interaksi nyata.

Sebaliknya, teori Vygotsky menekankan interaksi sosial dengan orang lain, menjadikan pemerolehan bahasa bukan sekadar menghafal kata, tetapi juga memahami makna, menyesuaikan bahasa mengikut konteks, dan membina kemahiran komunikasi sebenar. Contohnya, murid PPKI dapat berbual, bergurau, meminta sesuatu dan meluahkan perasaan secara semula jadi kepada ibu bapa dan orang lain di persekitarannya. Oleh itu, ibu bapa perlu yakin bahawa dengan menerapkan pendekatan interaksi sosial di rumah, anak-anak mereka yang terdiri daripada murid PPKI dapat memperoleh bahasa Melayu dengan lebih mudah di samping mempelajari struktur ayat dan kosa kata untuk penggunaan bahasa secara berkesan dalam kehidupan harian.

Cabaran yang Dihadapi oleh Ibu Bapa dalam Membantu Murid PPKI Menguasai Bahasa Melayu

Objektif kedua adalah untuk menghuraikan cabaran yang dihadapi ibu bapa membantu murid PPKI menguasai bahasa Melayu, dengan lima daripada 30 responden soal selidik dipilih untuk temu bual, dilabelkan sebagai R1 hingga R5. Bagi menjawab objektif ini, pengkaji membina empat tema utama berdasarkan literatur, teori pemerolehan bahasa, dan kajian terdahulu, iaitu (i) Cabaran Dalam Membimbing Murid PPKI dan (ii) Langkah dan Cadangan untuk Mengatasi Cabaran. Pembahagian tema ini membolehkan pengkaji menganalisis isu secara tematik dan menyeluruh, menilai tahap cabaran secara terperinci, serta mengenal pasti cabaran dominan yang mempengaruhi usaha ibu bapa dalam membantu anak menguasai bahasa Melayu. Berikut merupakan jadual pembahagian subtopik dan soalan mengikut tema:

JADUAL 4. Pembahagian Sub Topik dan Soalan Mengikut Tema

TEMA	SUB TOPIK	CONTOH SOALAN
(i) Cabaran dalam Membimbing Murid PPKI	1. Cabaran utama untuk berinteraksi dalam bahasa Melayu	Apakah cabaran utama yang puan/tuan hadapi semasa berinteraksi dengan anak dalam bahasa Melayu?
	2. Masalah kekangan masa, beban kerja, sikap anak	Adakah faktor seperti kekangan masa, beban kerja, atau sikap anak memberi kesan terhadap usaha puan/tuan melaksanakan interaksi sosial di rumah?
	3. Kekurangan panduan atau sokongan daripada pihak sekolah	Adakah puan/tuan pernah mendapat panduan atau sokongan daripada pihak sekolah atau guru berkaitan cara melatih anak bertutur dalam bahasa Melayu?
(ii) Langkah dan Cadangan untuk Mengatasi Cabaran	4. Kaedah atau pendekatan yang digunakan oleh ibu bapa untuk mengatasi cabaran	Apakah langkah atau kaedah yang puan/tuan gunakan untuk mengatasi cabaran semasa membantu anak berinteraksi dalam bahasa Melayu?

Tema (i): cabaran yang dihadapi dalam membimbing murid PPKI

JADUAL 5. Rumusan Jawapan Tema (i)

SUBTOPIK	KOD RESPONDEN	JAWAPAN
Cabaran Utama untuk Berinteraksi dalam Bahasa Melayu	R1	Masalah ketidakkonsistenan bahasa di rumah dan sekolah
	R2	Kesukaran memahami emosi dan kehendak anak
	R3	Percampuran bahasa daripada pengaruh media digital
	R4	Kesukaran memahami kehendak anak kerana sukar bertutur
	R5	Kekangan masa akibat komitmen kerja
Masalah Kekangan Masa, Beban Kerja, Sikap Anak	R1	Bebanan kerja menghadkan masa bersama anak
	R2	Sikap anak yang enggan belajar
	R3	Emosi anak yang kurang stabil
	R4	Kekangan masa menyebabkan interaksi terbatas
	R5	Kesibukan kerja dan sikap anak yang kurang fokus
Kekurangan Panduan atau Sokongan daripada Pihak Sekolah	R1	Tidak menerima bimbingan sekolah terpaksa usaha sendiri
	R2	Tiada panduan daripada sekolah terpaksa merancang sendiri
	R3	Mencari inisiatif sendiri untuk rawatan pertuturan anak
	R4	Sekolah menitikberatkan kemahiran asas dan bukan berbahasa
	R5	Menerima laporan perkembangan sahaja

Jadual 5 memaparkan rumusan jawapan bagi tema ini. Tema ini penting bagi mencapai objektif kedua kajian, iaitu memahami cabaran yang dihadapi ibu bapa dalam membimbing murid PPKI, sekaligus membantu mereka lebih cakna terhadap keperluan anak dan aspek yang memerlukan penambahbaikan. Tema ini dibentuk berdasarkan kajian lepas oleh Nur Atiqah dan Mohd Nizam (2023) yang menunjukkan bahawa tingkah laku murid pendidikan khas boleh mengganggu pembelajaran, menimbulkan kesan emosi, mengurangkan interaksi dalam bilik darjah, dan menyumbang kepada kelewatan berbahasa. Penekanan terhadap pelbagai cabaran ini penting untuk memberi gambaran menyeluruh tentang realiti keluarga PPKI dan membolehkan cadangan intervensi sokongan yang lebih efektif. Bagi memperlihatkan tema ini secara menyeluruh, tiga subtopik telah digunakan.

Cabaran Utama untuk Berinteraksi dalam Bahasa Melayu

Subtopik pertama bagi tema ini menekankan cabaran utama yang dihadapi oleh ibu bapa dalam membimbing murid PPKI menggunakan teori interaksi sosial. Cabaran ini berlaku apabila ibu bapa perlu mengimbangi pelbagai tanggungjawab harian. Perkara ini secara tidak langsung telah menjejaskan keupayaan mereka dalam memberi komitmen penuh terhadap bimbingan yang konsisten dan berkualiti kepada anak-anak. Cabaran yang dilalui ibu bapa tidak patut dilihat enteng. Hal ini dikatakan demikian kerana cabaran-cabaran ini akan mempengaruhi kelancaran proses komunikasi di rumah dan menjadikan usaha untuk membimbing anak lebih mencabar. Pada subtopik ini, pengkaji mengulas subtopik ini bagi memahami sama ada cabaran tersebut memberi kesan kepada penglibatan ibu bapa.

Setiap responden berdepan dengan masalah yang pelbagai. Cabaran utama bagi R1 dalam usaha anak berinteraksi menggunakan bahasa Melayu ialah penggunaan bahasa Inggeris yang dominan di sekolah dan pusat terapi. Namun begitu, penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantara tidak dapat dielakkan dan tidak sesuai untuk R1 menghalang pihak sekolah daripada menggunakannya. Di

rumah pula, bahasa Inggeris lebih banyak digunakan oleh pasangan R1. Situasi ini menunjukkan bahawa murid PPKI ini berhadapan dengan persekitaran yang menggunakan bahasa berbeza dan tidak konsisten. Perkara ini boleh menjejaskan pemerolehan dan penggunaan bahasa Melayu dalam interaksi harian. Keadaan ini sangat membimbangkan kerana interaksi yang lancar dalam bahasa Melayu memerlukan usaha berterusan tanpa berlaku percampuran bahasa lain.

Masalah ketidakkonsistenan penggunaan bahasa ini juga berlaku kepada salah seorang responden lain iaitu R3. Cabaran utama R3 dalam membantu anak berinteraksi menggunakan bahasa Melayu. Namun begitu, percampuran bahasa ini berpunca daripada pengaruh media digital dan permainan video. Murid PPKI lebih mudah terdedah kepada pelbagai bahasa seperti termasuk bahasa Inggeris dan bahasa Indonesia yang sering bercampur dengan bahasa Melayu. Menurut R3, perkataan daripada bahasa Indonesia sering mengelirukan anak kerana bahasa ini hampir sama dengan bahasa Melayu. Kesannya, anak lebih memahami dan menggunakan bahasa Indonesia boleh menjejaskan penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi harian. Cabaran yang sama dilalui oleh R4 iaitu menyatakan bahawa pendedahan anak kepada gajet dan bahasa asing seperti bahasa Inggeris atau bahasa Indonesia turut menimbulkan cabaran untuk mengekalkan penggunaan bahasa Melayu secara konsisten di rumah. Namun begitu, peranti digital bukan cabaran utama bagi R4.

Beliau berkongsi pengalaman cabaran yang dihadapi sejak fasa awal perkembangan anak PPKI sehingga kini. Cabaran ini memberikan impak besar terhadap usaha untuk meneruskan bimbingan interaksi dalam bahasa Melayu. Pada peringkat awal, R4 menjelaskan bahawa kesukaran utama adalah untuk memahami keperluan anak kerana anak lebih cenderung berbahasa isyarat dan belum memperoleh bahasa. Ibu bapa hanya mampu meneka apa yang ingin disampaikan oleh anak dan keadaan ini sering menyebabkan mereka cepat menghadapi tekanan emosi.

Ekoran tumbesaran anak istimewa ini, R4 turut menceritakan pengalaman mengenai tekanan sosial yang dihadapi apabila anak dibandingkan dengan kanak-kanak lain. Perkara ini berlaku kerana murid PPKI mempunyai kekurangan berbanding kanak-kanak normal. Responden ini sering mendapat komen negatif daripada keluarga dan masyarakat mengenai anak. Tekanan ini menjejaskan emosi ibu bapa dan menambah beban psikologi mereka. Cabaran seterusnya setelah murid PPKI meningkat umur, ibu bapa menghadapi kekangan akses kepada rawatan dan sokongan profesional. Menurut R4 perkara ini melibatkan kos yang tinggi dan perjalanan yang perlu ditempuh untuk mendapatkan rawatan pertuturan sangat jauh dari kawasan tempat tinggal. Walau bagaimanapun, ibu bapa perlu meneruskan usaha mereka kerana kekurangan ilmu dan panduan mengenai cara merangsang perkembangan bahasa anak PPKI.

Di samping itu, R2 mengalami cabaran utama yang berbeza iaitu memahami kehendak yang disampaikan oleh anak dan menyesuaikan diri dengan keadaan emosi mereka. R2 menekankan bahawa tahap kesabaran yang tinggi diperlukan kerana emosi murid PPKI tidak stabil secara tidak langsung akan mempengaruhi keberkesanan interaksi harian. Mereka akan mula menyendiri dan mengelak daripada berkomunikasi dengan hal keluarga mahupun masyarakat sekeliling. Keadaan ini menuntut ibu bapa untuk memberi perhatian terhadap keadaan emosi anak semasa berinteraksi. Cabaran ini juga menuntut tenaga dan kesabaran berterusan daripada ibu bapa, terutama apabila anak menunjukkan tingkah laku yang sukar diramal.

Seterusnya, R5 berdepan dengan cabaran paling besar dalam berinteraksi dengan anak PPKI menggunakan bahasa Melayu iaitu mengalami kekangan masa. Ibu bapa yang sibuk bekerja sehingga terpaksa pulang lewat. Situasi ini menyebabkan keletihan dan menyebabkan kekangan masa untuk menjalankan pendekatan berlaku dalam kalangan responden. Pandangan R5 menunjukkan bahawa kekangan masa dan keletihan fizikal boleh menjejaskan proses interaksi dengan anak-anak. Selain itu, R5 juga menyatakan keadaan anak yang sukar untuk fokus juga merupakan cabaran utama dalam

merealisasikan pendekatan teori interaksi sosial ini. Murid PPKI mudah terganggu dengan perkara yang berlaku di sekelilingnya yang membuatkan mereka sukar untuk fokus terhadap satu-satu benda. Contohnya, semasa ibu bapa ingin berinteraksi dengan anak-anak, mereka terganggu dengan bunyi bising di sekelilingnya.

Secara keseluruhannya, setiap ibu bapa menghadapi pelbagai cabaran dalam membimbing murid PPKI menggunakan bahasa Melayu. Cabaran ini termasuk ketidakkonsistenan bahasa, kekangan masa, keletihan, dan keadaan emosi anak yang tidak stabil. Pemahaman terhadap cabaran-cabaran ini penting untuk merangka intervensi yang dapat meningkatkan pemerolehan bahasa Melayu dan kualiti interaksi sosial anak PPKI.

Masalah Kekangan Masa, Beban Kerja, Sikap Anak

Subtopik ini menumpukan kepada cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa berkaitan kekangan masa, beban kerja, dan sikap anak dalam usaha membimbing murid PPKI. Pengkaji ingin mengenal pasti implikasi daripada cabaran-cabaran ini memberi kepada kemampuan ibu bapa untuk melaksanakan bimbingan yang konsisten dan berkesan. Kekangan masa dan beban kerja boleh membataskan peluang ibu bapa untuk memberikan tumpuan sepenuhnya kepada interaksi sosial bersama anak. Sikap anak yang sukar diramal atau sukar untuk fokus juga akan menambah tekanan kepada ibu bapa. Pemahaman terhadap cabaran ini adalah penting bagi pengkaji untuk menilai sama ada faktor-faktor tersebut menjejaskan penglibatan ibu bapa serta merangka cadangan sokongan dan strategi intervensi yang sesuai untuk ibu bapa bagi membimbing murid PPKI.

Menurut R1 kekangan masa yang berlaku disebabkan bebanan kerja yang tinggi. Bebanan kerja ini menyebabkan masa untuk berinteraksi dengan anak menjadi terhad. Implikasinya, anak lebih banyak menghabiskan masa bersama pasangan yang lebih selesa mengajar menggunakan bahasa Inggeris. Situasi ini menunjukkan bahawa kekangan masa dan beban kerja ibu bapa mengurangkan peluang untuk melaksanakan bimbingan interaksi sosial dalam bahasa Melayu secara konsisten dan menjejaskan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan bahasa anak. Situasi ini mendorong kepada penggunaan bahasa yang berbeza dan boleh mengelirukan anak-anak. Kenyataan daripada R1 juga berkesinambungan dengan R4.

Berdasarkan sesi temu bual bersama R4, kekangan masa memberikan kesan yang signifikan terhadap usaha mereka untuk meneruskan interaksi sosial di rumah bersama anak PPKI. Walau bagaimanapun, R4 menegaskan bahawa mereka tetap berusaha menjalankan interaksi dalam bahasa Melayu. Usaha itu termasuklah dengan menegur ayat atau perkataan yang salah dan memberikan penjelasan kepada soalan anak dalam bahasa Melayu. Selain itu, R5 juga mempunyai pendapat yang sama dengan R4. Di samping kesibukan bekerja, R5 juga menekankan bahawa beliau usaha untuk berinteraksi dengan anak perlu diutamakan terutamanya apabila mempunyai masa lapang. Responden menunjukkan bahawa walaupun cabaran wujud, usaha bimbingan tidak terhenti sepenuhnya dan dilakukan setakat kemampuan yang ada. Situasi ini menekankan konsistensi dan komitmen ibu bapa sebagai ikon signifikan dalam memastikan interaksi sosial dan penggunaan bahasa Melayu, meskipun terbatas oleh faktor masa dan cabaran lain.

Terdapat juga responden yang tidak mempunyai masalah kekangan masa bersama anak-anak kerana jadual kerja yang tidak terlalu sibuk. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak mengasingkan mereka daripada cabaran lain iaitu utama sikap anak. Menurut R3, murid PPKI agak sukar untuk bercakap secara aktif dan mempunyai emosi yang agak sensitif. Contohnya, mereka mudah menangis jika diberi arahan dengan nada tinggi atau kasar. Oleh itu, interaksi perlu dilakukan dengan lembut dan penuh kesabaran.

Ibu bapa perlu sentiasa menyesuaikan pendekatan komunikasi untuk memastikan interaksi berlaku tanpa menimbulkan tekanan emosi kepada anak. Selain ketidakstabilan emosi murid PPKI, sikap mereka yang enggan belajar juga merupakan cabaran kepada ibu bapa.

R2 menjelaskan sikap anak yang enggan belajar dan malas membantutkan usaha ibu bapa untuk membimbing anak-anak. Ibu bapa perlu memujuk anak supaya mereka memberi kerjasama semasa sesi pembelajaran. Kesan daripada sikap ini ialah ibu bapa perlu meningkatkan kesabaran dalam diri untuk memastikan anak dapat memberi respons tanpa memberi tekanan emosi dan fizikal kepada mereka. Jika ibu bapa tidak mementingkan emosi anak-anak, interaksi yang konsisten dan berkualiti sukar dicapai kerana anak tidak memberi kerjasama sepenuhnya semasa emosi mereka terganggu. Cabaran lain yang dihadapi ialah sikap anak yang cepat hilang tumpuan dan kerap bertindak diluar kawalan. Kombinasi sikap-sikap murid PPKI ini memberi impak langsung terhadap keberkesanan bimbingan interaksi sosial termasuk usaha untuk mengekalkan penggunaan bahasa Melayu secara konsisten di rumah.

Berdasarkan dapatan daripada semua responden, jelas bahawa cabaran berkaitan kekangan masa, beban kerja, dan sikap anak memberi impak yang besar terhadap usaha ibu bapa dalam membimbing murid PPKI. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Nur Atiqah dan Mohd Nizam (2023) yang mendapati bahawa tingkah laku kanak-kanak dan penggunaan gajet secara berlebihan menjadi faktor utama yang menghalang interaksi dua hala dalam kalangan kanak-kanak autisme. Namun begitu, dapatan kajian ini memperluaskan lagi perbincangan dengan mengenal pasti bahawa kekurangan panduan daripada pihak sekolah juga merupakan cabaran penting yang dihadapi oleh ibu bapa, yang kurang diberi penekanan dalam kajian lepas. Cabaran yang dihadapi berpunca daripada kanak-kanak dan faktor sokongan luaran yang tidak mencukupi.

Kekurangan Panduan Atau Sokongan Daripada Pihak Sekolah

Subtopik ini menumpukan kepada cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa berkaitan kurangnya panduan atau sokongan daripada pihak sekolah dalam usaha membimbing murid PPKI. Pengkaji ingin mengenal pasti sama ada sekolah memberikan bimbingan, panduan, atau sokongan yang dapat membantu ibu bapa melaksanakan interaksi sosial dan membimbing perkembangan bahasa anak. Hal ini penting untuk mengetahui sama ada ibu bapa mendapat bantuan yang mencukupi daripada pihak sekolah atau mereka perlu mengambil inisiatif sendiri dalam membimbing anak. Pemahaman terhadap keadaan ini dapat menilai peranan sekolah dalam menyokong ibu bapa membimbing pemerolehan bahasa PPKI.

Berdasarkan temu bual, setiap responden memberi kenyataan yang berbeza-beza. Sebagai contoh, R1 menyatakan bahawa tiada sebarang panduan atau sokongan daripada pihak sekolah dalam usaha membimbing anak PPKI di rumah diberikan kepada ibu bapa. Kekurangan panduan ini menyebabkan R1 perlu mencari sendiri cara dan strategi untuk melaksanakan membimbing anak. Usaha itu termasuklah dengan menghantar anak ke pusat terapi pertuturan. Pengalaman ini memberi gambaran awal bahawa ibu bapa mungkin menghadapi tekanan tambahan apabila tiada panduan disediakan.

Begitu juga dengan R2 yang menyatakan bahawa sekolah tidak menyediakan sebarang panduan atau sokongan yang jelas untuk ibu bapa dalam membimbing anak PPKI di rumah. Namun begitu, R2 menyatakan cara untuk membuatkan sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah lebih menarik. Contohnya, penulisan ayat ringkas, pembacaan satu petikan seminggu, dan setiap aktiviti disertai galakan seperti dengan pemberian pelekat sebagai ganjaran untuk meningkatkan motivasi murid PPKI. Saranan ini adalah kerana murid PPKI tidak membuka buku di rumah. Oleh itu, ibu bapa terpaksa berusaha sendiri untuk memastikan anak terus belajar. Kesan daripada kekurangan sokongan ini ialah ibu bapa perlu mengambil inisiatif sepenuhnya untuk merancang aktiviti pembelajaran, yang boleh menambah tekanan

dan beban kerja mereka.

Responden lain seperti R4 juga tidak pernah menerima sebarang panduan khusus daripada pihak sekolah untuk membimbing pertuturan atau perkembangan bahasa murid PPKI di rumah. Setiap usaha di luar pengajaran sekolah perlu dicari dan dirancang sendiri oleh ibu bapa. Menurut R4, sekolah hanya menumpukan kepada kemahiran asas dan perkembangan kemahiran asas murid PPKI. Berdasarkan temu bual responden-responden ini, kesan daripada kekurangan sokongan ini menyebabkan ibu bapa perlu berusaha sepenuhnya untuk mencari bahan sokongan atau strategi yang sesuai bagi membimbing anak mereka.

Walau bagaimanapun, R3 menerima sedikit panduan daripada pihak sekolah khususnya penekanan terhadap latihan suku kata di rumah. Pemberian latihan ini adalah kerana murid PPKI cepat lupa dan sukar untuk fokus. R3 juga mengambil inisiatif sendiri untuk mencari pusat rawatan persendirian yang mampu membimbing pemerolehan dan perkembangan bahasa anak. Selain itu, R5 juga menerima bantuan daripada pihak sekolah. Namun begitu, panduan yang diberikan hanya sebagai latihan kerja rumah sahaja kepada murid PPKI. Ibu bapa tidak pernah menerima tunjuk ajar khusus daripada pihak sekolah mengenai cara melatih anak PPKI bertutur di rumah. Pihak sekolah hanya menyediakan laporan perkembangan anak tanpa disertai panduan atau contoh aktiviti yang boleh dilaksanakan di rumah. Menurut R5, sekiranya sekolah menyediakan teknik komunikasi atau aktiviti yang praktikal, ibu bapa dapat membimbing pemerolehan bahasa Melayu. Impaknya, ibu bapa perlu bergantung sepenuhnya kepada inisiatif sendiri untuk merancang dan melaksanakan sesi latihan bertutur di samping mempunyai bebanan kerja dan tekanan emosi.

Oleh itu, sokongan dan panduan daripada pihak sekolah dalam membimbing murid PPKI di rumah adalah terhad dan tidak mencukupi. Kekurangan panduan ini menyebabkan ibu bapa perlu mengambil inisiatif sendiri untuk merancang aktiviti pembelajaran, mencari bahan sokongan, dan menghantar anak ke pusat rawatan persendirian bagi memastikan anak-anak memperoleh bahasa Melayu. Situasi ini menekankan bahawa sokongan praktikal daripada sekolah amat diperlukan untuk membantu ibu bapa melaksanakan bimbingan dengan lebih berkesan, sekaligus memastikan perkembangan bahasa dan kemahiran interaksi sosial murid PPKI dapat dipertingkatkan.

Tema (ii): langkah dan cadangan untuk mengatasi cabaran

JADUAL 6. Rumusan Jawapan Tema (ii)

SUBTOPIK	KOD RESPONDEN	JAWAPAN
Kaedah atau Pendekatan yang Digunakan oleh Ibu Bapa untuk Mengatasi Cabaran	R1	Membuat panggilan video di tempat kerja
	R2	Menggalakkan penggunaan teknologi untuk anak berinteraksi
	R3	Menggunakan aplikasi permainan dan animasi interaktif
	R4	Menekankan pengukuhan sendiri ibu bapa
	R5	Menggunakan permainan untuk menghilangkan perasaan bosan

Jadual 6 merupakan rumusan jawapan responden bagi tema ini. Tema ini menumpukan langkah-langkah yang diambil oleh responden untuk mengatasi cabaran yang dihadapi semasa membimbing murid PPKI. Cabaran-cabaran ini merupakan perkara yang mereka telah tempuhi dan telah dinyatakan pada subtopik sebelumnya. Tema ini bertujuan untuk mengetahui strategi praktikal yang digunakan oleh ibu bapa untuk

menangani masalah ini termasuk cara mereka mengekalkan konsistensi interaksi sosial dalam merangsang pemerolehan bahasa Melayu murid PPKI. Selain meninjau langkah yang dilaksanakan responden, cadangan dan panduan praktikal juga berjaya dihasilkan sebagai rujukan oleh ibu bapa lain yang menghadapi cabaran yang sama.

Kaedah atau Pendekatan yang Digunakan oleh Ibu Bapa untuk Mengatasi Cabaran

Subtopik ini menumpukan kepada kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh responden untuk menangani cabaran membimbing murid PPKI sama ada berkaitan kekangan masa, beban kerja, sikap anak, atau kekurangan panduan daripada pihak sekolah. Pengkaji ingin mengetahui strategi khusus yang diterapkan oleh ibu bapa bagi memastikan interaksi sosial dan perkembangan bahasa Melayu anak tetap konsisten dan berkesan.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, bagi masalah kekangan waktu disebabkan kesibukan bekerja, R1 akan memastikan masa untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan anak PPKI dalam bahasa Melayu akan berlaku setiap hari. Walaupun sibuk, R1 akan menggunakan pendekatan pertemuan secara langsung di rumah dan juga memanfaatkan teknologi digital seperti panggilan video di aplikasi WhatsApp untuk berkomunikasi dengan anak semasa waktu bekerja. Semua komunikasi ini dijalankan dalam bahasa Melayu bagi memastikan anak terus terdedah dan terbiasa menggunakan bahasa tersebut. Penglibatan teknologi yang positif seiring dengan zaman berjaya membantu ibu bapa mencari jalan untuk berusaha membimbing anak-anak.

Inisiatif pendekatan yang menggunakan teknologi sebagai jalan penyelesaian juga dilaksanakan oleh responden lain. Sebagai contoh, bagi cabaran sikap murid PPKI yang enggan belajar, R2 menggalakkan penggunaan teknologi supaya anak terdedah dengan bahasa Melayu. Menurut R2, melalui teknologi murid PPKI akan menggunakan bahasa Melayu untuk berinteraksi secara dalam talian bersama rakan-rakan sekelas. Contohnya, murid PPKI berkomunikasi dengan rakan-rakan dalam bahasa Melayu sama ada melalui panggilan telefon atau mesej. Sebagai seorang ibu, R2 mementingkan keinginan anak untuk mencuba dan terus konsisten menggunakan bahasa Melayu dalam interaksi harian. Pendekatan ini menunjukkan bahawa ibu bapa menggunakan strategi pendedahan berterusan dan pengulangan untuk merangsang penggunaan bahasa Melayu.

Selain itu, R3 turut menggunakan teknologi untuk mengatasi masalah kebosanan dan masalah kesukaran untuk fokus dalam kalangan murid PPKI. Inisiatif ini merupakan inisiatif yang menggalakkan interaktiviti dalam bentuk digital seperti aplikasi permainan sambil belajar dan animasi dalam bahasa Melayu. Pendekatan ini juga digunakan oleh R5 yang menggunakan permainan sebagai kaedah utama dalam membimbing anak memperoleh bahasa Melayu. Permainan merupakan cara paling efektif untuk menarik minat anak, terutamanya murid PPKI yang memerlukan pendekatan yang lebih fleksibel dan menyeronokkan. Melalui permainan, ibu bapa dapat menyelitkan elemen pengajaran bahasa Melayu secara tidak langsung meningkatkan kesediaan anak untuk berkomunikasi. Namun begitu, R3 turut menekankan kepentingan ibu bapa dalam memilih aplikasi yang membantu dalam pengajaran suku kata, ejaan, dan membaca, dan bukan sekadar permainan atau hiburan semata-mata.

Penggunaan animasi dalam bahasa Melayu juga sangat digalakkan untuk mengelakkan kebosanan dalam mempelajari bahasa Melayu. Sebagai contoh, R1 memilih kartun bahasa Melayu yang menarik seperti 'Upin & Ipin' dan 'Omar & Hana' untuk mengekalkan minat anak terhadap bahasa Melayu. Pendekatan ini menunjukkan bahawa ibu bapa menggunakan strategi kreatif dan fleksibel, menggabungkan interaksi langsung, penggunaan teknologi, dan pemilihan bahan media yang sesuai untuk merangsang penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian anak PPKI. Pengintegrasian

penggunaan bahasa Melayu dalam persekitaran digital membantu ibu bapa mengekalkan konsistensi pembelajaran bahasa Melayu walaupun dalam keadaan sibuk.

Seterusnya, R5 juga mengatasi masalah sikap murid PPKI yang cepat bosan dan enggan belajar melalui pendekatan pemilihan waktu yang bersesuaian. Menurut R5, waktu yang paling sesuai untuk melatih anak ialah ketika mereka berada dalam keadaan tenang. Tempoh tenang mereka kebiasaannya pada waktu pagi dan pada hujung minggu. Ibu bapa juga cenderung untuk menggunakan waktu hujung minggu kerana cuti daripada bekerja. Tempoh ini juga sering menjadi pilihan kerana suasananya lebih damai dan anak lebih mudah memberikan tumpuan. Pendekatan ini membantu memastikan interaksi yang dijalankan menjadi lebih berkesan dan tidak menimbulkan tekanan kepada anak.

Akhir sekali, bagi cabaran psikologi dan tekanan emosi yang dilalui oleh ibu bapa semasa membimbing murid PPKI, R4 menggalakkan ibu bapa untuk memperkukuh diri sendiri terlebih dahulu. Pengukuhan terhadap sikap sendiri ini termasuk meningkatkan kesabaran dan keterbukaan minda dalam membimbing murid PPKI. Pendekatan ini akan membantu ibu bapa untuk mencari ilmu dan input baharu mengenai bimbingan literasi yang berimpak positif. Pengurusan emosi dan sikap ibu bapa memainkan peranan besar dalam menentukan keberkesanan interaksi dan bimbingan yang diberikan kepada anak.

Tambahan pula, R5 juga menyatakan langkah proaktif yang boleh diambil oleh ibu bapa dengan menambah ilmu berkaitan teknik pengajaran murid PPKI di rumah. R5 kerap merujuk kepada video 'YouTube' yang memaparkan strategi mengajar murid PPKI terutamanya teknik komunikasi dan kaedah memperkenalkan bahasa asas. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pembangunan sendiri dan persiapan mental ibu bapa merupakan langkah awal dalam mengatasi cabaran bagi membimbing murid PPKI memperoleh bahasa Melayu.

Secara keseluruhannya, ibu bapa menggunakan pelbagai strategi untuk mengatasi cabaran dalam membimbing murid PPKI, termasuk memanfaatkan teknologi, memilih waktu yang sesuai, menggunakan permainan, dan menyediakan pendedahan berterusan dalam bahasa Melayu. Mereka juga mengambil inisiatif sendiri mencari aplikasi, video pembelajaran dan bahan interaktif kerana kekurangan panduan daripada sekolah. Selain itu, pengukuhan sendiri seperti meningkatkan kesabaran dan keterbukaan turut membantu mereka mengurus tekanan emosi semasa membimbing anak. Pendekatan-pendekatan ini menunjukkan bahawa kreativiti, konsistensi dan usaha proaktif ibu bapa menjadi kunci utama dalam menyokong pemerolehan bahasa Melayu murid PPKI. Dapatan ini turut disokong oleh Wardani et al. (2024) yang menunjukkan bahawa ibu bapa cenderung menyesuaikan strategi berdasarkan keperluan anak. Namun demikian, kajian ini mendapati bahawa keberkesanan strategi tersebut masih bergantung kepada tahap pengetahuan dan sokongan yang diterima oleh ibu bapa. Oleh itu, dapatan ini menegaskan keperluan untuk menyediakan panduan dan latihan yang lebih sistematik kepada ibu bapa bagi memastikan pelaksanaan interaksi sosial dapat dilakukan secara optimum.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini secara keseluruhan menghasilkan impak yang terdiri daripada akademik dan praktikal. Dari sudut akademik, kajian ini menyumbang kepada pengukuhan asas teori dalam bidang pemerolehan bahasa, khususnya Teori Interaksi Sosial Vygotsky dalam konteks pendidikan khas di Malaysia. Dapatan kajian membuktikan bahawa interaksi sosial bukan sahaja relevan dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak tipikal, malah sangat signifikan dalam menyokong pemerolehan bahasa Melayu murid PPKI yang mengalami masalah pembelajaran dan autisme. Kajian ini juga memperluas wacana akademik dengan menampilkan perspektif ibu bapa sebagai sumber data utama, yang masih kurang diterokai dalam kajian pemerolehan bahasa murid pendidikan khas. Melalui gabungan data kuantitatif dan kualitatif, kajian ini

memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang hubungan antara teori, amalan harian dan realiti cabaran di rumah. Justeru, kajian ini boleh dijadikan rujukan akademik dalam kursus linguistik, pemerolehan bahasa, pendidikan khas dan pedagogi bahasa Melayu.

Dari segi praktikal, kajian ini memberi implikasi langsung kepada ibu bapa, guru dan pihak sekolah. Dapatan menunjukkan bahawa interaksi sosial yang konsisten di rumah seperti berbual, memberi maklum balas, bermain dan melibatkan anak dalam aktiviti harian mampu meningkatkan kosa kata, kefahaman makna dan keyakinan murid PPKI untuk menggunakan bahasa Melayu. Oleh itu, ibu bapa disarankan untuk lebih cakna akan peranan mereka sebagai model bahasa utama dan mengaplikasikan komunikasi dua hala secara berterusan dalam kehidupan seharian. Kajian ini juga menunjukkan keperluan pihak sekolah menyediakan panduan yang lebih sistematik dan praktikal kepada ibu bapa. Campur tangan ibu bapa dan sekolah berpotensi mengurangkan masalah kelewatan berbahasa dan menyokong perkembangan bahasa murid PPKI secara holistik.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini meneliti cabaran dan pandangan ibu bapa terhadap pemerolehan bahasa Melayu dalam kalangan murid PPKI, khususnya murid masalah pembelajaran dan autisme. Secara terperinci, dapatan kajian kuantitatif menunjukkan bahawa interaksi sosial memainkan peranan yang signifikan dan berkesan dalam menyokong pemerolehan bahasa Melayu murid PPKI apabila dilaksanakan secara konsisten dan bermakna oleh ibu bapa. Dapatan kuantitatif memperlihatkan tahap persetujuan yang tinggi dalam kalangan ibu bapa terhadap domain pertama mengenai penggunaan komunikasi dua hala dalam konteks harian dalam membantu peningkatan kosa kata, kefahaman makna, dan keyakinan murid untuk bertutur. Hal ini membuktikan bahawa interaksi sosial bukan sekadar medium komunikasi tetapi pendekatan ini juga berfungsi sebagai ruang pemerolehan linguistik yang autentik selari dengan prinsip Teori Interaksi Sosial Vygotsky.

Selain itu, dapatan kualitatif pula memperincikan realiti cabaran yang dihadapi ibu bapa dalam mengaplikasikan interaksi sosial secara berkesan. Cabaran seperti kekangan masa, keletihan emosi, pengaruh peranti digital, tingkah laku murid yang tidak konsisten, dan kekurangan sokongan persekitaran didapati memberi kesan langsung terhadap kualiti dan kekerapan interaksi bahasa di rumah. Namun demikian, dapatan ini juga menunjukkan kesedaran ibu bapa dalam kepentingan interaksi sosial dan usaha penyesuaian pendekatan mengikut keupayaan anak mampu mengurangkan kesan cabaran tersebut.

Oleh itu, ibu bapa disarankan melaksanakan interaksi sosial secara sistematik dan berterusan di rumah melalui komunikasi dua hala dan penglibatan murid dalam aktiviti sosial harian untuk memperkukuh pemerolehan bahasa Melayu. Pihak sekolah pula perlu menyediakan sokongan berupa garis panduan sebagai bimbingan untuk menyelaras pendekatan antara rumah dan sekolah. Bagi penyelidikan lanjutan, kajian bandingan antara pendekatan ibu bapa di rumah dan guru di sekolah dicadangkan untuk menilai perbezaan strategi dan kesannya terhadap pemerolehan bahasa murid PPKI. Cadangan ini diharapkan memberi impak praktikal kepada ibu bapa dan sekolah serta menyumbang kepada pembangunan penyelidikan lebih mendalam dalam bidang pemerolehan bahasa dan pendidikan khas.

RUJUKAN

Alharbi, J. M. 2023. Insight into the role of interaction in language acquisition: Vygotsky's interactionist theory of language. *Arab World English Journal*, 14(2), 281–294. <https://dx.doi.org/10.24093/awej/vol14no2.20>

- Azman, F. A., Amat, S., Hashim, K., & Tee, Y. A. 2019. Pendekatan psikopendidikan terhadap pelajar program pendidikan khas integrasi (PPKI). *Southeast Asia Psychology Journal*, 8, 116–129.
- Dastpak, M., Behjat, F., & Taghinezhad, A. 2017. A comparative study of Vygotsky's perspectives on child language development with nativism and behaviorism. *International Journal of Languages' Education and Teaching*, 5(2), 230–238. <https://doi.org/10.18298/ijlet.1748>
- Erbil, D. G. 2020. A review of flipped classroom and cooperative learning method within the context of Vygotsky theory. *Frontiers in Psychology*, 11, Article 1157. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.01157>
- Ibrahim, R., Hock, K. E., Handrianto, C., Rahman, M. A., & Dagdag, J. 2021. Perceptions of parents and teachers on students with learning disabilities (SLD) in Malaysia. *International Journal of Education, Information Technology and Others*, 4(2). <https://doi.org/10.5281/zenodo.5057585>
- Khidzir, N. A., & Ahmad Sobri, M. N. N. 2023. Effect of disruptive behaviour on speech delay autism in children in kindergarten in Pahang state. *Journal of Education and Literacy Studies*, 2(1), 26–40. <https://doi.org/10.37698/jels.v2i1.193>
- Mohamed Isa, Z., Che Mustapha, M., Shamsudin, I. D., Bacotang, J., & Gnana Piragasam, G. A. 2021. Aktiviti sokongan bagi perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 10(2), 27–34.
- Nasir, S. N. A., Halim, H. A., & Kamaruddin, R. 2022. Pemerolehan bahasa pertama murid hiperaktif (ADHD) dalam aspek kehidupan harian: Analisis neuropsikolinguistik. *Journal of Communication in Scientific Inquiry*, 4(1), 23–36.
- National Institutes of Health, Ministry of Health Malaysia. 2022. *National health and morbidity survey (NHMS) 2022: Maternal and child health*.
- Natrah, W., Yaacob, W., Yaacob, L., Muhamad, R., Mohd Zulkifli, M., et al. 2021. Behind the scenes of parents nurturing a child with autism: A qualitative study in Malaysia. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(16), 8532. <https://doi.org/10.3390/ijerph18168532>
- Rublik, N. 2017. Language acquisition and cultural mediation: Vygotskian theory. *Asia Pacific Journal of Contemporary Education and Communication Technology*, 3(1).
- Syahbani, M. A., Aisyi, R., & Maya, S. D. 2026. Peran interaksi sosial dalam pemerolehan bahasa: Telaah mendalam teori interaksionisme. *Jurnal Ilmiah Penelitian Mahasiswa*, 4(1), 524–536. <https://doi.org/10.61722/jim.v4i1.1929>
- Wardani, E., Siregar, I., Susanto, A., & Hamzah, N. 2024. Strategies and role of parents on language acquisition of children with special needs. *Jurnal Onoma: Pendidikan, Bahasa, dan Sastra*, 10(3), 3431–3440. <https://doi.org/10.30605/onoma.v10i3.4130>

PENGHARGAAN

Penghargaan dirakamkan kepada semua responden yang terlibat dalam pengumpulan data bagi kajian ini. Komitmen dan keterbukaan responden telah menyumbang secara signifikan kepada kejayaan pengumpulan data dan dapatan bagi kajian ini.

BIODATA PENGARANG

Pengarang pertama, Kavenia Kunasegran merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Pengkhususan beliau ialah bidang psikolinguistik dan penterjemahan.

Pengarang kedua, Nurdenna Najwa binti Khiril Anuwar ialah pelajar Bacelor Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu dengan Kepujian di Universiti Putra Malaysia. Pengarang mempunyai minat yang mendalam dalam bidang Psikolinguistik kanak-kanak.